



DELEUM

NEWS CLIPPINGS



Headline : Unit Deleum raih kontrak Petronas Carigali
Media : Bernama (Malay)
Day/Date : 18 February 2019
Page :
Links : <http://www.bernama.com/bm/ekonomi/news.php?id=1695822>

Unit Deleum raih kontrak Petronas Carigali

Tarikh kemaskini: 18/02/2019



KUALA LUMPUR, 18 Feb (Bernama) -- Deleum Oilfield Services Sdn. Bhd, unit Deleum Bhd, telah memperoleh kontrak pembekalan injap julangan gas dan peralatan pemasangan, aksesori dan servis daripada Petronas Carigali Sdn Bhd yang juga anak syarikat milik penuh Petronas.

“Kontrak itu bermula pada 7 Jan, 2019 dan tamat dalam tempoh tiga tahun berikutnya selepas pilihan lanjutan selama setahun,” katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia, hari ini.

Deleum berkata kontrak itu turut membabitkan risiko tetapi tidak merangkumi risiko pelaksanaan seperti penawaran pekerja mahir, perubahan kos pekerja dan material serta faktor luaran seperti perubahan politik, ekonomi dan persekitaran peraturan.

“Pihak pengurusan percaya Deleum mampu mengurangkan risiko yang dinyatakan itu berdasarkan pengalaman serta kepakarannya melaksanakan perkhidmatan seumpamanya,” katanya.

Kegiatan utama Petronas Carigali termasuk cari gali, pembangunan serta pengeluaran minyak dan gas.

-- BERNAMA